



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

Pusat Perubatan UKM

UKM Medical Centre



HUKM3.10.4/224/2/4 Jld.2 ✓

20 NOVEMBER 2014

PEKELILING KEWANGAN BIL. 25/2014

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pengurus-Pengurus Jururawat
Pusat Perubatan UKM

YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

KAEDAH PENGENAAN CAJ WAD DAN CAJ RAWATAN PUSAT PERUBATAN UKM

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan petikan minit Mesyuarat Pengurusan Pusat Perubatan UKM Bil. 37/2014 bertarikh 28 Oktober 2014 adalah berkaitan.

Dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Pusat Perubatan UKM telah bersetuju meluluskan polisi kaedah pengenaan caj wad dan caj rawatan Pusat Perubatan UKM bagi dua (2) perkara berikut :

- i. Sekiranya pesakit dipindahkan dari wad biasa ke wad intensif atau dari wad intensif ke wad intensif yang berbeza pada hari yang sama, pengenaan caj wad dan caj rawatan bagi perpindahan pesakit tersebut adalah berdasarkan pemilihan pengenaan kadar caj yang lebih tinggi.
- ii. Sekiranya pesakit dipindahkan dari wad biasa ke wad biasa yang berbeza jabatan (PTJ) pada hari yang sama, pengiktirafan hasil caj wad dan caj rawatan adalah berdasarkan tempoh masa paling lama pesakit tersebut berada di wad berkenaan.

Bersesuaian dengan itu, pelaksanaan polisi pengenaan caj ini di Pusat Perubatan UKM adalah berkuatkuasa mulai dari **tarikh pekeliling ini dikeluarkan**. Kerjasama YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon agar perkara ini dapat dipanjangkan kepada kakitangan yang menguruskan kemasukan caj melalui sub modul 'Manual Charging' Sistem CHETS di wad-wad.

Sekian, segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.